

2.6.2022

Kenyataan Media

oleh YB TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI

Ahli EXCO Pulau Pinang untuk Infrastruktur dan Pengangkutan, dan

Ahli Lembaga Pengarah, PBAPP dan PBA Holdings Bhd

TINDAKAN PBAPP HADAPI LONJAKAN 10.4% DALAM PENGGUNAAN AIR DI PULAU PINANG

Penggunaan air harian Pulau Pinang telah melonjak sebanyak 10.4% dalam tempoh 3 tahun, daripada 843 JLH pada 2019 kepada 931 JLH pada Mei 2022. Ini merupakan peningkatan yang ketara dalam jangka masa yang singkat. Data berikut merumuskan peningkatan penggunaan air Pulau Pinang:

Tahun/Tarikh	Penggunaan (JLH) Juta liter sehari	Komen
2019	843	Sebelum fenomena pandemik Covid-19 melanda Malaysia
2020	845	Tahun pertama pandemik Covid-19
2021	860	Tahun kedua pandemik Covid-19
21.5.2022	931	Selepas Malaysia memasuki fasa endemik Covid-19

Harap maklum bahawa walaupun kebanyakan sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi pada 2020 dan 2021, penggunaan air masih meningkat di Pulau Pinang berikutan peningkatan penggunaan oleh pengguna domestik.

Sebagai perbandingan, data sejarah menunjukkan bahawa penggunaan air meningkat hanya 7.8% dalam tempoh 9 tahun dari 2010 hingga 2019, daripada 782 JLH pada tahun 2010 kepada 843 JLH pada tahun 2019.

Respons PBAPP untuk mengurangkan masalah bekalan air di SPS

Jangka Pendek

1. Memaksimumkan pengeluaran air di 9 loji rawatan air Pulau Pinang

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah mempertingkatkan had pengeluaran air di 9 loji rawatan airnya di Pulau Pinang, terutamanya di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, di Seberang Perai Utara, yang menghasilkan lebih 80% air terawat di Pulau Pinang. Semua LRA di Pulau Pinang kini beroperasi pada kapasiti optimum, 24/7.

2. Mengalihkan lebih banyak air terawat ke Seberang Perai Selatan (SPS)

PBAPP mengepam lebih banyak air terawat dari LRA Sungai Dua ke SPS bagi memenuhi permintaan air 32,993 pengguna air berdaftar.

3. Penghantaran lori tangki air dan tangki statik ke SPS mulai Mei 2022

PBAPP telah menghantar lori tangki air, tangki air statik dan personel untuk menangani isu gangguan bekalan air tidak berjadual di hujung paip agihan (HPA) dan kawasan lebih tinggi di SPS, termasuk Taman Seruling Emas, Taman Widuri, Kampung Sungai Duri, Kampung Sungai Baong, Permatang Ara dan Kawasan Perindustrian Sungai Baong.

4. Pelaksanaan Pelan Kontingensi Bekalan Air SPS 2022 (SPS-WSCP 2022) mulai 26.5.2022

SPS-WSCP kini mengutamakan bekalan air kepada 32,993 pengguna air di SPS selama 12 jam, dari 6.01 petang – 6.00 pagi setiap hari. Pada waktu semalaman ini, bekalan air ke kawasan perindustrian Batu Kawan dan Bukit Minyak dikawal. Oleh itu, lebih banyak air dapat dipam ke kawasan perumahan di SPS.

Memandangkan semua premis domestik perlu dilengkapi dengan tangki simpanan air 24 jam, langkah ini telah membolehkan majoriti pengguna domestik SPS mengisi tangki air mereka dan menyimpan air yang mencukupi untuk kegunaan harian. PBAPP sedang memperhalusi SPS-WSCP untuk mengoptimumkan bekalan ke HPA dan kawasan yang lebih tinggi

Jangka sederhana

- Pemasangan pam penggalak

PBAPP akan memasang pam penggalak untuk mengepam lebih banyak air ke HPA dan kawasan tanah lebih tinggi di SPS, termasuk Taman Seruling Emas, Taman Widuri, Kampung Sungai Duri, Kampung Sungai Baong, Permatang Ara dan Kawasan Perindustrian Sungai Baong.

- Menaik taraf LRA Bukit Panchor

Perancangan sedang dilakukan untuk meningkatkan output rawatan air Bukit Panchor sebanyak 5 – 10 JLH. Langkah ini akan membolehkan PBAPP menghasilkan lebih banyak air terawat di SPS untuk bekalan di SPS.

Hanya kilang-kilang yang mempunyai simpanan air 48 jam di tapak akan diluluskan

PBAPP hanya akan meluluskan perkhidmatan bekalan air untuk kilang baharu yang dilengkapi tangki simpanan 48 jam di tapak. Ini adalah untuk mematuhi Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 dan Garis Panduan Teknikal Seragam SPAN (SPAN UTG).

Sila ambil perhatian bahawa isu bekalan air di SPS bukan disebabkan oleh sebarang kemalangan atau kerosakan besar dalam perkhidmatan bekalan air PBAPP di Pulau Pinang. Data kejuruteraan bekalan air PBAPP menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang luar biasa dalam penggunaan air sejak 3 tahun yang lalu.

Namun begitu, PBAPP akan terus melakukan yang terbaik untuk mengurangkan masalah bekalan air di SPS.

Terima kasih.